



## SIARAN AKHBAR

### Notis Penyediaan *Overnight Standing Facilities* AMBD

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah mengeluarkan Notis (Notice No: BU/N-7/2018/57 dan BU/N-8/2018/58) mengenai *Overnight Standing Facilities* AMBD pada Hari Khamis, 3 Muharram 1440 bersamaan dengan 13 September 2018. Objektif kemudahan ini adalah untuk membantu institusi-institusi perbankan dalam pengurusan kecairan (*liquidity management*) bagi memastikan sistem kewangan Negara Brunei Darussalam efisien dan berkesan. Notis-notis ini adalah hasil daripada beberapa sesi konsultasi di antara AMBD dengan Persatuan Bank-Bank Brunei (BAB).
2. Selaras dengan objektif Rangka Tindak Sektor Kewangan Negara Brunei Darussalam (*Financial Sector Blueprint*) 2016-2025, AMBD telah mengambil langkah-langkah dalam menyediakan persekitaran yang kondusif untuk mengembangmajukan lagi pasaran kewangan (*money market*) Negara Brunei Darussalam. Pengeluaran notis ini juga selaras dengan salah satu daripada fungsi AMBD di bawah Perintah AMBD, 2010, iaitu untuk mengembangmajukan dan menguruskan sistem dana antara institusi-institusi perbankan serta menetapkan keperluan-keperluan yang tertentu bagi para peserta sistem perbankan.
3. Negara Brunei Darussalam komited kepada dasar Lembaga Mata Wang, dan Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata Wang di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Singapura. Oleh itu, AMBD telah memastikan bahawa dalam penyediaan rangka *Overnight Standing Facilities* ini, instrumen dan operasi yang berhubung dengan kemudahan tersebut adalah selaras dengan prinsip-prinsip Lembaga Mata Wang (*Currency Board*).
4. Bagi memastikan kesemua bank di Negara Brunei Darussalam dapat menggunakan kemudahan *Overnight Standing Facilities* ini, kemudahan patuh Syariah (Kemudahan Pendanaan dan Penerimaan) dan kemudahan konvensional (Kemudahan Pemberian Pinjaman dan Deposit) akan diperkenalkan. Kemudahan Pendanaan dan Pemberian Pinjaman akan dapat memudahcarakan keperluan kecairan. Manakala, Kemudahan Penerimaan dan Deposit boleh memudahcarakan penyimpanan kecairan berlebihan.
5. Untuk mendapatkan kemudahan keperluan kecairan dalam Dolar Brunei, bank-bank dikehendaki untuk mencagarkan aset yang berkualiti tinggi. Bagi mendapatkan kemudahan penyimpanan kecairan yang berlebihan, bank-bank boleh menyimpan Dlar Brunei dengan AMBD. Tempoh bagi

kedua-dua kemudahan tersebut adalah secara semalaman. Kemudahan ini ditawarkan kepada semua bank-bank yang berlesen di Negara Brunei Darussalam sahaja.

6. Bagi maklumat lanjut mengenai dengan AMBD *Overnight Standing Facilities*, orang ramai boleh memuat turun nota teknikal di laman web AMBD ([www.ambd.gov.bn](http://www.ambd.gov.bn)).

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh: 3 Muharram 1440 / 13 September 2018

Rujukan: AMBD/COMMS/3